

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 1, 2019 8:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Audit Susulan Untuk Kekalkan Perakuan Status Swaakreditasi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 JULAI 2019 / 27 SYAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

AUDIT SUSULAN UNTUK KEKALKAN PERAKUAN STATUS SWAAKREDITASI



UUM ONLINE: Bagi mengekalkan Perakuan Status Swaakreditasi demi meningkatkan kualiti program yang diakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), UUM akan menjalani proses audit susulan Swaakreditasi oleh MQA selama dua hari mulai semalam.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim berkata, pihak UUM sentiasa memberikan kerjasama bagi memastikan kelancaran proses audit susulan Swaakreditasi itu dijalankan.

Menurutnya, audit tersebut bertujuan untuk melihat pelan tindakan yang telah diambil UUM selepas universiti dianugerahkan status Swaakreditasi dua tahun lalu.

Katanya, bagi memastikan program yang ditawarkan di universiti ini memenuhi keperluan standard dan syarat ditetapkan MQA serta Jabatan Pengajian Tinggi, UUM telah menubuhkan satu unit khas iaitu Unit Swaakreditasi.

"Unit ini bertindak menyelaras dan mengurus akreditasi program akademik UUM dan sejak ditubuhkan dua tahun lalu, beberapa audit telah dilaksanakan," katanya yang mempengerusikan Majlis Pembukaan Audit Susulan Swaakreditasi oleh MQA di Bilik Senat, semalam.

Sementara itu, Ketua Juruaudit, Prof. Ir Dr. Shahrir Abdullah berkata, audit yang dijalankan di UUM selama dua hari itu adalah bagi melihat syarat umum dan syarat khusus yang ditetapkan untuk penganugerahan akreditasi kepada UUM.

Katanya, pihaknya ingin melihat sejauh mana UUM memberikan komitmen dalam mematuhi syarat diberikan dan di dalam menguruskan aktiviti jaminan kualiti universiti.

Sebelum itu, Pengarah Unit Swaakreditasi Universiti, Prof. Madya Dr. Salniza Md. Salleh membentangkan 10 syarat umum, lima syarat khusus dan 12 cadangan penambahbaikan.

Menurutnya, proses penilaian semula ke atas program yang diakreditasi perlu dijalankan bagi memastikan kualiti program dapat ditingkatkan.

UUM menerima Perakuan Status Swaakreditasi daripada MQA pada 2017 selepas menjalani audit Swaakreditasi pada November 2015 dan pencapaian itu memberi kelebihan kepada UUM dalam meningkatkan kualiti dan memantapkan program akademik dan penyelidikan dalam mempromosikan UUM sebagai universiti pengurusan terkemuka di mata dunia.

Perakuan Status Swaakreditasi itu melayakkan universiti mengakreditasi sendiri program pengajian tanpa perlu mendapatkan kelulusan MQA dan KPT (hanya perlu dimaklumkan sahaja).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.